

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 30/9/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Mahasiswa Ajar Tuisyen Percuma.

Mahasiswa ajar tuisyen percuma



Fadillah dan Zuraidah bersama pelajar dari Kampung Gita Baru dan Lama melaungkan kata semangat Kami Mahasiswa di **Majlis Pelancaran Program YSS Tuition Mission Sarawak** anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa di UNIMAS. [FOTO GHAZALI BUJANG/BH]

Kota Samarahan: Seramai 100 mahasiswa cemerlang dari beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) di negeri ini terpilih untuk memberi khidmat tuisyen percuma kepada 250

pelajar di Kampung Gita Baru dan Kampung Gita Lama, Petra Jaya, bermula Rabu ini.

Dianjurkan buat julung kalinya oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), program di-

kenali sebagai 'Misi Tuisyen Sarawak' itu bakal membantu pelajar, khususnya yang menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membuat persediaan menghadapi peperiksaan penting itu.

Difahamkan, program itu juga memberi tumpuan kepada usaha menyemai tabiat mencintai ilmu dan memperkasakan penguasaan dalam subjek teras dalam kalangan pelajar.

Faham masyarakat

Ahli Parlimen Petra Jaya, Datuk Fadillah Yusof yang juga Menteri Kerja Raya, berkata penyertaan mahasiswa dalam program sedemikian mampu membuka mata mereka dalam menyelami permasalahan rakyat di peringkat akar umbi.

"Apabila berlaku masalah tertentu membabitkan masyarakat, mahasiswa dilihat terlalu idealistik mengemukakan penyelesaian tanpa merasai sendiri apakah realiti sebenar di depan mata. Golongan mahasiswa sepatutnya

menjadi realistik dalam tindakan mereka.

"Usaha menjayakan misi tuisyen ini adalah landasan terbaik bagi golongan itu mendampingi masyarakat di akar umbi dan berinteraksi secara terus," katanya selepas melancarkan Misi Tuisyen Sarawak 2013 di Universiti Malaysia Sarawak, semalam.

Enam IPT yang mengambil bahagian ialah UNIMAS, Universiti Teknologi Mara Samarahan, Politeknik Kuching, Institut Perguruan Guru (IPG) Batu Lintang, IPG Tun Abdul Razak dan Kolej Komuniti Kuching.

Sementara itu, Pengurus YSS, Datuk Zuraidah Atan, berkata penganjuran program itu di kedua-dua kampung berkenaan dibuat berdasarkan permintaan penduduk yang mahu anak-anak mereka mendapat kelas tuisyen.

"Kita akan mengadakan kelas tuisyen di Taska Islam kampung Gita Lama selama empat kali seminggu, dengan setiap sesi pengajaran berlangsung selama dua jam. Misi ini menumpukan kepada penguasaan subjek bahasa Inggeris dan Matematik," katanya.